

AKHBAR : BH AHAD
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NASIONAL

KKM saring pendengaran 253,822 bayi tahun lalu



Dr Dzulkefly bersama isteri, Datin Seri Azlin Hezri (dua dari kiri) beramah mesra dengan pengunjung pada perasmian Majlis Pertandingan Bakat Amal Hear Me's Got Talent 2024 di Cyberjaya, semalam. (Foto BERNAMA)

Cyberjaya: Kementerian Kesihatan (KKM) membuat saringan pendengaran kepada 253,822 bayi di 48 hospital tahun lalu, bagi mengetahui lebih awal kelahiran yang mempunyai masalah berkenaan.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata melalui Program Saringan Pendengaran Kanak-kanak Sejagat, yang diperkenal sejak tahun lalu itu, KKM mengesahkan 987 bayi yang mempunyai masalah pendengaran daripada 253,822 saringan.

"Semua bayi yang didiagnos dengan masalah pendengaran ini sedang menjalani rawatan dan intervensi yang diperlukan.

"Ini sekali gus menunjukkan sebanyak empat bayi bagi setiap 1,000 kelahiran mempunyai masalah pendengaran kongenital di negara ini, manakala bagi dewasa pula, ia mewakili satu dalam 20 individu.

"Kita melakukan saringan sejak awal membiabitkan 253,822 bayi daripada keseluruhan 305,220 kelahiran tahun lalu bagi mengetahui pasti masalah, sebelum mendapatkan nasihat pakar termasuk bagi proses intervensi implan koklea," katanya di sini semalam.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Pertandingan Bakat Amal Hear Me's Got Talent 2024.

Implan koklea ialah intervensi multidisiplin yang memerlukan pembabitan beberapa perkhdmatan kepada otorinolaringologi, audiologis, dan terapi pertuturan.

Dr Dzulkefly berkata, program saringan membabitkan bayi berusia di bawah 29 hari itu akan diperluas kepada 61 hospital awam di seluruh negara, tahun ini.

Beliau berkata, melalui program implan koklea KKM sejak 2019 hingga 2023 pula, sebanyak

272 unit dipasang dengan perbelanjaan kira-kira RM21 juta.

Katanya, selain itu, sehingga April lalu, seramai 766 murid yang memakai alat bantuan pendengaran, manakala 85 murid dipasang implan koklea berpeluang belajar di aliran perdana.

Dr Dzulkefly berkata, beliau tidak mahu masyarakat meletakkan stigma 'pekkak' atau mempunyai pandangan stereotaip terhadap individu atau kanak-kanak yang memakai alat bantuan pendengaran.

"Kita mahu masyarakat menerima mereka kerana mereka ada potensi untuk hidup seperti individu normal. Itu yang saya mahukan."

"Jangan stigmakan atau stereotaip terhadap kanak-kanak yang memakai alat bantuan pendengaran sebagai orang pekkak kerana itu suatu yang tidak wajar," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

987 bayi didiagnosis masalah pendengaran

CYBERJAYA - Seramai 987 daripada 253,822 bayi yang disarung menerusi Program Saringan Pendengaran Bayi Universal (UNHS) pada 2023 didiagnosis mengalami masalah pendengaran, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) memandang serius kepentingan pengesanan awal masalah pendengaran dan program UNHS iaitu saringan pendengaran bayi baru lahir merupakan petunjuk prestasi utama (KPI) 100 hari Menteri Kesihatan sejak 2023.

"Bermula 13 Disember 2023 hingga 21 Mac 2024 pula, seramai 68,823 bayi baru lahir iaitu 138 peratus daripada sasaran KPI yang ditetapkan telah berjaya disaring pendengaran mereka sebelum mencapai umur 29 hari," katanya.



DR DZULKEFLY

Dr Dzulkefly berkata, menerusi Belanjawan 2024 sebanyak RM130 juta telah diperuntukkan untuk memperhebat aktiviti Pencegahan penyakit bagi memastikan kesejahteraan keluarga Malaysia Madani supaya kekal afiat.

"Peruntukan ini turut melibatkan program saringan pendengaran bayi baru lahir yang akan digunakan ke arah meningkatkan liputan saringan bagi membolehkan bayi dan kanak-kanak bermasalah pendengaran dapat mencapai potensi diri yang maksimum seterusnya menyumbang semula ke arah pembangunan," jelasnya.

Dalam pada itu, beliau berkata, KKM selaku Urusetia Tabung Bantuan Perubatan akan mempertimbangkan permohonan rakyat Malaysia termasuk pesara kerajaan atau ahli keluarga penjawat awam untuk perolehan peralatan pendengaran atau pembentahan implan koklea.

Katanya, bilangan pemasangan implan koklea yang telah dilaksanakan di bawah Program Implan Koklea KKM sepanjang 2019 hingga 2023 melibatkan sejumlah 272 unit yang menelan belanja kira-kira RM21 juta. - Bernama